

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

‘Kesihatan tak patut dipolitikkan’

Kepemimpinan baru KKM perlu berani lakukan perubahan, penambahbaikan

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Agenda kesihatan adalah bersifat politik, tetapi ia tidak sepatutnya dipolitikkan pihak tertentu, kata bekas Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin.

Beliau berkata, matlamat agensi kesihatan negara yang membawa perubahan dan penambahbaikan sistem kesihatan hanya boleh dicapai dengan iltizam politik kepemimpinan baharu Kementerian Kesihatan (KKM) dan Kerajaan Perpaduan.

Bercakap sebagai panel pada Forum Kesihatan Universal Malaysia 2022, semalam, Khairy berkata, sekarang adalah masa yang tepat untuk menjayakan agenda kesihatan negara dan landskap



Khairy bersama Dr Dzulkefly (tengah) dan Dr Subramaniam (kiri) pada Forum Kesihatan Universal Malaysia 2022 (Foto BERNAMA)

politik negara ketika ini boleh melancarkan usaha itu.

“*Health is political* kerana ia perlu melalui proses politik. Namun, kesihatan tidak sepatutnya boleh dicapai dengan iltizam politik kepemimpinan baharu Kementerian Kesihatan (KKM) dan Kerajaan Perpaduan.

Justeru, individu dilantik menerajui KKM sekarang perlu berani melakukan perubahan dan penambahbaikan sistem kesihatan negara meskipun ia bukan satu langkah populis dan tidak memperoleh sokongan kebany-

kan masyarakat.

“Banyak kajian dan perbincangan sudah dilaksanakan bagi menjayakan agenda kesihatan, malah Kertas Putih Kesihatan juga hampir selesai. Sekarang, kita memerlukan iltizam politik untuk melaksanakannya.

“Sebab itu, mesej saya kepada kepemimpinan baharu di KKM, walaupun keputusan itu mungkin sukar, kepemimpinan KKM mempunyai sokongan daripada bekas (Menteri Kesihatan) yang

ada pada hari ini,” katanya.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab pertanyaan moderator mengenai nasihatnya kepada kepemimpinan baharu KKM untuk menjayakan agenda kesihatan di negara ini.

Masa terbaik jaya agenda

Mengulas lanjut, Khairy berkata, sekarang adalah masa sempurna untuk menjayakan agenda kesihatan negara kerana situasi unik susulan pembentu-

kan Kerajaan Perpaduan.

“Saya adalah peminat bola sepak. Ketika pilihan raya lalu, ketika saya (bertanding) di (Parlimen) Sungai Buloh, saya pinjam slogan Adidas, ‘impossible is nothing’ (tiada yang mustahil).

“Apa yang kepemimpinan baharu di KKM perlu lakukan sekarang adalah slogan (jenama) Nike, iaitu ‘just do it’ (buat sahaja). Semuanya sudah ditetapkan, semuanya sudah dicari dan jangan takut, walaupun kita akan teragak-agak akan tewas pilihan raya,” katanya.

Khairy berkata, beliau dan dua bekas Menteri Kesihatan yang lain, iaitu Tan Sri Dr S. Subramaniam dan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, sepakat memberi sokongan tidak berbelah bahagi terhadap kepemimpinan baharu di KKM untuk menjayakan agensi pembaharuan dalam sektor kesihatan.

Sementara itu, Dr Dzulkefly yang juga panel pada forum itu berkata, landskap politik baharu negara yang menyaksikan pembentukan Kerajaan Perpaduan memerlukan semua pihak melangkah ke depan untuk menjayakan agenda kesihatan negara.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : MINDA PEMBACA

Vaksin influenza cegah risiko kemudaratan penyakit kronik

Prof Zamheri
Sekawi,
Pengerusi
Kumpulan Kerja
Influenza
Malaysia

Kebanyakan orang dewasa berfikir bahawa vaksinasi atau imunisasi hanyalah untuk kanak-kanak. Malah mungkin sebenarnya vaksin COVID-19 adalah vaksinasi terakhir yang mereka terima selepas meninggalkan zaman persekolahan.

Sebenarnya kita berupaya untuk melindungi diri daripada pelbagai jenis penyakit berjangkit menerusi vaksinasi. Ia sebenarnya adalah keajaiban perubatan yang sering dihadapi oleh populasi dewasa.

Sedangkan berdasarkan pengalaman berhadapan dengan pandemik COVID-19, vaksinasi ternyata berkesan melindungi kita. Jika pun kita diserang COVID-19, menerusi pengambilan vaksin dan dos penggalak, kita dapat mengelak mengalami gejala yang teruk, kemasukan ke hospital, malah juga kematian. Umumnya gejala yang dihadapi juga adalah kategori ringan.

Ketika ini cuti sekolah sudah pun bermula. Kita akan berjumpa dan berkumpul dengan lebih ramai orang apabila pulang ke kampung untuk kenduri kenduri atau bercuti sama ada dalam atau luar negara. Jadi, berhati-hatilah kerana ancaman flu (influenza) masih ada.

Dalam konteks ini yakinlah dengan kemampuan vaksinasi flu. Ambil imunisasi untuk melindungi diri anda dan keluarga. Apatah lagi jika mereka juga menghidap dua atau lebih penyakit seperti diabetes, penyakit jantung dan sebagainya. Mereka ini adalah kumpulan berisiko tinggi mendapat komplikasi kesihatan akibat flu.

Di Malaysia, ramai orang dewasa jatuh sakit dan bahkan meninggal dunia akibat demam selesema, yang sebenarnya boleh dicegah menerusi vaksinasi. Orang dewasa disarankan mengambil vaksinasi untuk flu setiap tahun. Bagaimanapun, hanya sebilangan kecil yang memilih untuk mendapatkan suntikan tahunan mereka, dengan anggaran bagi kadar vaksinasi sekitar tiga peratus sahaja.

Justeru, memang tidak menghairankan apabila Asia Tenggara dikatakan antara negara yang

mempunyai kadar kematian tertinggi akibat flu.

Komplikasi sebabkan kematian

Flu selalu dilihat sebagai penyakit ringan. Persepsi ini tidak tepat. Benar, flu itu tidak membunuh, namun komplikasinya boleh menyebabkan kematian, terutama dalam kalangan kumpulan berisiko tinggi seperti orang tua dan mereka yang ada masalah kesihatan.

Flu juga meningkatkan risiko mendapat serangan jantung kali pertama sebanyak 10 kali dalam kalangan orang dewasa seawal usia 40 tahun. Dalam kalangan mereka yang mengalami penyakit jantung pula, risiko kematian akibat flu adalah lima kali lebih tinggi. Bagi mereka yang berhadapan masalah jantung dan paru-paru pula risikonya adalah 20 kali lebih tinggi.

Peningkatan usia juga meningkatkan lagi risiko ini. Malah 85 peratus daripada semua kematian yang berkaitan dengan flu berlaku dalam kelompok usia 65 tahun dan ke atas.

Oleh kerana kelaziman keadaan ini meningkat

dengan umur dan penduduk Malaysia pula menua dengan pantas, maka kumpulan individu yang berisiko juga semakin bertambah.

Pakar di seluruh dunia mengesyorkan pengambilan vaksin flu tahunan sebagai kaedah paling berkesan untuk mencegahnya. Garis Panduan Imunisasi Dewasa Malaysia menyarankan vaksinasi untuk mereka yang berusia 18 tahun dan ke atas.

Turut disarankan adalah mereka yang mempunyai satu atau lebih masalah kesihatan, mereka yang berusia 50 tahun ke atas, wanita hamil, individu obes dan mereka yang berada institusi penjagaan.

Vaksinasi juga disarankan untuk kakitangan penjagaan kesihatan, ahli keluarga dan penjaga individu yang berisiko tinggi serta mereka yang menjunaikan ibadat dalam ziarah keagamaan.

Selain kumpulan berkenaan, sesiapa juga sebenarnya boleh mendapatkan vaksinasi kerana pengelahan flu adalah usaha kita bersama dan setiap orang perlu memainkan peranan masing-masing.



AKHBAR : BERITA HARIAN**MUKA SURAT : 16****RUANGAN : NASIONAL**

Inisiatif basmi kemiskinan haid perlu kerjasama semua pihak

Kuala Lumpur: Pelaksanaan awal inisiatif membasmi kemiskinan haid oleh Kementerian Kesihatan (KKM) boleh difokuskan kepada golongan kurang berkemampuan di sekolah, masjid, kawasan perumahan, penduduk di Program Perumahan Rakyat (PPR) dan badan bukan kerajaan (NGO) terpilih.

Presiden Persatuan Wanita Inspirasi Negara, Norhimah Aziz, berkata semua pihak perlu membantu mengesas golongan sasar yang layak menerima bantuan berkenaan termasuk mengadakan kempen kesedaran di kawasan kejiranannya masing-masing.

Beliau berkata, hebatnya awal seumpama itu dapat membantu mengenal pasti mereka yang memerlukan bantuan, sekali gus memudahkan inisiatif ini dijalankan lebih lancar dan berterusan.

"Pada masa ini, masyarakat masih kurang peka dengan masalah kemiskinan haid terutama membabitkan golongan miskin bandar.

"Mereka juga masih 'skeptikal' apabila bercakap hal sedemikian, menyebabkan sumbangan tuala wanita kurang mendapat sambutan berbanding bantuan makanan atau wang ringgit.

"Jadi, program ini perlu dilakukan dengan memberi kesedaran kepada golongan sasar dan fokus pelaksanaannya menjurus kepada penerima yang layak," katanya ketika dihubungi, semalam.

Media kelmarin melaporkan, KKM bakal melaksanakan inisiatif tuala wanita percuma kepada wanita daripada golongan kurang berkemampuan dalam usaha merangi kemiskinan haid.

Menyatakan demikian, Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, berkata sebagai permulaan, inisiatif itu akan dilaksanakan di pejabatnya sendiri.

Beliau berkata, inisiatif yang juga mendapat sambutan pada peringkat global itu akan dikembangkan di seluruh kementeriannya.

Norhimah berkata, persatuan juga ada menjayakan inisiatif basmi kemiskinan haid dikenali sebagai 'Projek Merah' namun kurang mendapat sambutan.

"Projek Merah dilancarkan pada September 2021 dan ia dimulakan dengan agihan di kawasan PPR dan pedalaman Sabah," katanya.

Sementara itu, Penolong Eksekutif di syarikat keselamatan, Norhafizah Mohd Noor Esa, 37, berkata pengenalan tuala wanita percuma ini satu inisiatif baharu untuk rakyat Malaysia.

"Bantuan ini dapat membantu wanita khasnya golongan B40 dan kita berharap inisiatif ini dinikmati golongan terbatas sepenuhnya.

"Jadi, golongan sasar perlu dienal pasti bagi mengelak ada golongan tercincir," katanya.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 37

RUANGAN : NIAGA !



BOTE (kiri) dan Setiausaha Agung Kehormat MMA, Datuk Dr. Thirunavukarasu Rajoo pada majlis pelancaran kempen di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Saringan kesihatan percuma anjuran Viatris, MMA

PETALING JAYA – Viatris Malaysia (Viatris) dan Persatuan Perubahan Malaysia (MMA) menganjurkan kempen saringan kesihatan percuma khusus kepada rakyat Malaysia berusia 40 tahun sebagai langkah awal untuk mengesan faktor risiko penyakit tidak berjangkit (NCD) seperti diabetes, tekanan darah tinggi dan kadar kolesterol tinggi.

Bertemakan Saring, Kesan dan Bertindak, kempen yang akan berakhir pada bulan Februari tahun depan itu mahu membantu menyokong sasaran Kementerian Kesihatan untuk menyaring sebanyak 1.5 juta orang berusia 40 tahun di negara ini.

Pengurus Negara Viatris Malaysia, Jeff Bote berkata, saringan kesihatan NCD yang kerap adalah satu langkah yang proaktif dan penting dalam pengurusan kesihatan diri kerana ia dapat membantu individu mengenal pasti isu-isu yang tersembunyi dan mencegah komplikasi perubatan dengan mendapatkan rawatan lebih awal.

"Intervensi yang berkesan dan tepat pada masanya akan dapat memberikan perubahan yang ketara terhadap kesihatan individu," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, program rintis untuk kempen Saring, Kesan dan Bertindak itu dilancarkan di Lembah Klang dan Negeri Sembilan.

Pihaknya menyasarkan untuk membantu 1,000 individu berusia 40 tahun dan ke atas

serta golongan yang mempunyai risiko kesihatan yang lebih tinggi.

Selain itu, Presiden MMA, Dr. + Muruga Raj Rajathurai menjelaskan, sebilangan besar rakyat di negara ini yang mempunyai tekanan darah, gula dalam darah dan kolesterol tinggi tidak mengetahui status kesihatan mereka.

In kerana mereka tidak berjumpa doktor untuk pemeriksaan kesihatan bagi mendapatkan diagnosis.

"Kami menggesa mereka yang berusia 40 tahun ke atas yang belum menjalani sebarang pemeriksaan atau saringan kesihatan untuk mengambil peluang ini.

"Pengesanan awal dan rawatan tepat pada masanya berpotensi untuk mengurangkan risiko komplikasi anda dan memberikan hasil yang lebih baik. Saringan kesihatan mampu menyelamatkan nyawa," tegas beliau.

Tinjauan Kebangsaan Keshatan dan Morbiditi menunjukkan seorang dalam lima dewasa atau 3.9 juta individu berusia 18 tahun dan ke atas di negara ini menghidap diabetes, tiga dalam 10 dewasa atau 6.4 juta orang mengalami tekanan darah tinggi dan empat daripada 10 dewasa mempunyai kadar kolesterol tinggi.

Seramai 1.7 juta rakyat kini hidup dengan tiga faktor risiko utama iaitu diabetes, tekanan darah tinggi dan kolesterol tinggi yang merupakan faktor risiko utama penyakit kardiovaskular iaitu penyebab utama kematian di negara ini.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

HRPZ II jadi fasiliti kerajaan pertama peroleh projek tebatan banjir

KOTA BHARU - Banjir besar luar jangkaan iaitu bah kuning pada Disember 2014 di Kelantan, meninggalkan kenangan yang cukup menyayat hati dan trauma, terutama kepada mangsa.

Mengikut rekod statistik Majlis Keselamatan Negara (MKN) Kelantan, lebih 170,000 keluarga di negeri itu terpaksa dipindahkan ke 170 pusat pemindahan sementara (PPS) dan 1,927 rumah musnah dihantui arus deras.

Situasi bertambah 'kelam-kabut' apabila jalan darat, bekalan elektrik dan telekomunikasi terputus di dua buah hospital negeri iaitu Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) dan Hospital Kuala Krai.

Menceritakan pengalaman melalui detik cemas apabila air memasuki kawasan hospital, Penolong Pegawai Perubatan HRPZ II, Mohd Zuki Mohd Zain berkata, beliau bersama rakan-rakan bertungkus lumus, memindahkan beberapa pesakit ke Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian.

"Kira-kira jam 2 pagi, saya dan rakan-rakan terpaksa memindahkan pesakit menggunakan lori daripada agensi Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

"Keadaan gelap kerana bekalan elektrik terputus, sambil mengharungi air yang semakin naik.

"Perasaan ketika itu takut dan cemas, itu adalah kali pertama dalam hidup saya lalui pengalaman sedemikian," katanya.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK), Datuk Dr Zaini Hussin berkata, apabila keseluruhan kawasan hospital digenangi air, wad dan lain-lain fasiliti hospital yang terjejas terpaksa ditutup serta pesakit dipindahkan ke kawasan yang lebih selamat.

Kerajaan turut menanggung kerugian akibat kerosakan peralatan dan harta benda hospital.

Dr Zaini berkata, rentetan itu, kerajaan meluluskan projek tebatan banjir di hospital tersebut di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) Rolling Plan

Pertama (RP 1) dengan kos RM8 juta, malah projek itu merupakan yang pertama dilaksanakan di fasiliti kerajaan sedia ada.

"Projek tebatan banjir ini bukan sahaja meningkatkan taraf kemudahan infrastruktur, malah memastikan perkhidmatan kesihatan lebih efektif serta berkesan ketika musim banjir," katanya yang menambah projek tersebut dirasmikan bekas Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar pada 10 Oktober lalu.

Sementara itu, Ketua Penyelia Penolong Pegawai Perubatan HRPZ II merangkap Ketua Bilik Gerakan Banjir, Suzura Hassan berkata, projek tebatan banjir itu merangkumi beberapa skop utama iaitu pembinaan pagar konkrit, saliran air, serta lain-lain kerja mekanikal dan elektrik seperti sistem pam air dan penghadang banjir.

"Projek ini mengambil masa 30 bulan untuk disiapkan dan sejumlah 15 pagar penghadang banjir dibina, bertujuan menghalang kemasukan air ke kawasan hospital," katanya. - Bernama



Petugas HRPZ II melakukan latihan amali memasang penghadang banjir bagi mencegah kejadian banjir besar luar jangka seperti bah kuning.



Petugas berusaha memindahkan pesakit sewaktu kejadian bah kuning pada tahun 2014.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 27

RUANGAN : NEGERI

Tiada pesakit pulang tanpa rawatan

IPOH - Tiada pesakit yang pulang tanpa menerima rawatan di Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB), di sini sebaliknya dilaporkan sebanyak portal pada Isnin.

Exco Sumber Manusia, Kesihatan dan Hal Ehwal Masyarakat India Perak, A Sivanesan berkata, semakan mendapati rawatan kecemasan dan trauma telah diberikan kepada semua pesakit yang datang walaupun sebahagiannya terpaksa menunggu lama.

"Rekod menunjukkan hospital ini tidak pernah meminta mana-mana pesakit balik tanpa rawatan. Setiap pesakit yang datang tetap akan mendapat rawatan dan ubat-ubatan yang kualitinya adalah sama dengan hospital swasta," katanya pada sidang akhbar selepas mengadakan lawatan kerja ke Jabatan Kecemasan dan Trauma HRPB, di sini pada Selasa.

Artikel yang ditulis dalam portal berkenaan mendakwa terdapat pesakit yang bukan dalam kategori pesakit Covid-19 terpaksa menunggu sehingga enam hari bagi mendapatkan katil rawatan di jabatan berkenaan.

Sivanesan berkata, setakat ini HRPB tidak berdepan dengan masalah kesesakan pesakit yang melampaui meskipun berlaku peningkatan



Sivanesan (dua dari kanan) ketika mengadakan lawatan kerja ke Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB), Ipoh pada Selasa.

jumlah kehadiran pesakit kritis.

Sementara itu, beliau berharap Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan memberi keutamaan dengan menyalurkan peruntukan kepada projek menaik taraf dan memperluaskan Jabatan Kecemasan dan Trauma hospital berkenaan.

Tambahnya, peruntukan itu sekiranya diluluskan dapat menyelesaikan sebahagian besar masalah dan kekangan dihadapi jabatan berkenaan terutama berkaitan lengkapnya peralatan dan perubatan.

"Dalam lawatan menteri (Khairy Jamaluddin Abu Bakar) April lalu, HRPB telah kemukakan sejumlah RM6.5 juta bagi bajet tahun hadapan.

"Semalam (Isnin) Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa hubungi saya dan beri komitmen untuk menyelesaikan masalah tersebut.

"Jadi dalam masa terdekat ini, saya akan adakan mesyuarat bersama pengurusan HRPB dan KKM untuk kita tahu berapa bajet diperuntukkan untuk HRPB kerana perkara ini sudah pun dalam pergetahuan menteri," ujarnya.

AKHBAR : UTUSNA MALAYSIA
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : DALAM NEGERI

Tiada kes keracunan makanan akibat telur lama

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Kementerian Kesihatan mengesahkan tidak menerima sebarang laporan kes kejadian keracunan makanan yang berpunca daripada makan telur stok lama.


Mengesahkan perkara itu kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, malah, tiada peningkatan kejadian keracunan makanan yang direkodkan pihaknya pada September hingga November lalu seperti yang didakwa.

Bagaimanapun, beliau berkena terdapat dua kejadian keracunan makanan yang berpunca daripada telur, namun, berdasarkan siasatan, ia bukan stok telur yang lama.

Difahamkan, kejadian itu adalah akibat jangkitan silang + daripada pengendalian telur tidak teratur atau tidak bersih dalam proses masakan sebelum dimakan.

“Tiada peningkatan kejadian keracunan makanan pada September hingga November seperti yang didakwa.

“Walaupun terdapat dua kejadian keracunan makanan yang



SEORANG pelanggan meneliti kualiti telur sebelum dibeli dari sebuah kedai runcit di Pasar Chow Kit Kuala Lumpur baru-baru ini. - UTUSAN/FAUZI BAHRUDIN

berpunca daripada telur, berdasarkan siasatan, ia bukan stok telur yang lama,” katanya di sini semalam.

Bekalan telur ayam ketika ini yang didakwa mula banyak di pasaran dikatakan adalah stok lama yang ‘diperam’ peniaga

berikutnya tidak mahu bekalan berkenaan terputus secara tiba-tiba.

Keadan itu bagaimanapun memberi kesan kepada pengguna kerana telur yang dibeli hanya mampu bertahan antara dua hingga tiga hari.

Lebih memburukkan, timbul dakwaan sehingga berlaku kes kejadian keracunan makanan akibat makan stok telur lama.

Timjauan di media sosial mendapati warganet mengadu hanya beberapa biji telur kelihatan baharu dalam seapan telur.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NATION

Warnings of flash floods

Continuous rain predicted for four days from Dec 17

PETALING JAYA: The Meteorological Department MetMalaysia warned that the monsoon is predicted to bring about continuous rain for four days, from Dec 17 to Dec 21, on the east coast states of the peninsula.

The wet weather is expected to last until early next year due to the northeast monsoon and the La Niña cycle, said its director-general Muhammad Helmi Abdullah.

MetMalaysia has also issued a Category 1 warning – strong winds and rough seas – for Kelantan, Terengganu, and Pahang, which is expected to last until tomorrow.

"A rise in the sea level is expected in waters in these states, and there is a risk of seawater flooding on the coast."

"MetMalaysia is monitoring this situation and will issue a 'Continuous Heavy Rain Warning' if needed," said Muhammad Helmi.

He added that prolonged rain could cause the temperature to drop to 22°C on the East Coast.

Thunderstorms with heavy rain and strong winds are also expected within the peninsula's west coast, west Sabah and north Sarawak in the afternoon to early parts of the night within the next few days.

Yesterday, National Antarctica Research Centre meteorological expert Prof Datuk Dr Azizan Abu Samah told *Sinar Harian* that the nation would experience significant flooding within the next three days due to heavy monsoon rain triggered by the active La Niña and negative Indian Ocean Dipole (IOD) phenomena.

Meanwhile, the Irrigation and Drainage Department (DID) has issued a 24-hour flash flood warning in six states.

The affected states are Johor (Batu Pahat, Kluang, Kota Tinggi, Mersing, Muar, Pontian and Tangkak), Pahang (Kuantan and Rompin), Terengganu (Kuala Terengganu and Marang), Penang (Seberang Perai Selatan), Perak (Bagan Datuk, Hilir Perak, Kerian, Larut, Matang, Selama, Muallim and Perak Tengah), and Negeri Sembilan (Port Dickson).

The warning was based on forecasts by MetMalaysia, the South-East Asia-Oceania Flash Flood Guidance System and the DID flood forecast model.



Ready for disaster: Hospital Raja Perempuan Zainab II staff members practising the setting up of barricades to avoid major floods in Kota Baru, Kelantan. Under the 11th Malaysia Plan's First Rolling Plan, the government has approved a flood mitigation project for the hospital at a cost of RM8mil, with the aim of improving disaster-relief infrastructure in the state. — Bernama

Checks on the MyPublic Infobanjir application showed that one river – Sungai Golok – in Rantau Panjang, Pasir Mas, Kelantan is in the "danger zone".

As of yesterday at 4.30pm, the river, which reached 9.36m, or 4.36m higher than its normal level of 5m with just light rainfall (1mm), has started to recede.

The rivers in four states have also reached "warning levels".

The eight rivers are Sungai Jempol, Sungai Keratong and Sungai Pahang in Pahang; Sungai Benawa, Sungai Long Teru and Sungai Marudi in Sarawak; Sungai Muar in Johor; and Sungai Tumpat in Terengganu.

Meanwhile, National Water Services

Commission (SPAN) corporate communications and consumer affairs director Mohd Fazil Ismail said most dams in Peninsular Malaysia have reached their maximum level.

However, he said the situation is under control, adding that there were no closures of water treatment plants recorded in flooded areas as at 1pm yesterday.

"In total, there are 57 dams and of these, 47 are major dams (relating to raw water sources) in Peninsular Malaysia.

"The majority of dams have reached their maximum storage level."

"The other 10 are multi-functional dams such as for flood mitigation for dams regulated by the DID," he said.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NATION

Generational endgame law still on KJ's mind

By GERARD GIMINO
gerard.gimino@thestar.com.my

PETALING JAYA: Despite a commendable performance as Health Minister, there is one thing that still lingers at the back of Khairy Jamaluddin's mind – being unable to see the fruition of the tobacco "Generational Endgame" (GEG) Bill.

Speaking at a forum yesterday, Khairy said there was just not enough time to see the Bill cross the finish line.

"We were almost there. Myself, former Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, Parliamentary Special Select Committee (PSSC) on Health, Science and Innovation chairman Dr Kelvin Yii Lee Wuen and current Deputy Health Minister Lukanisman Awang Sauni worked

very hard for this.

"There were some amendments and valid concerns, but we just ran out of time," he said.

Khairy, who was Health Minister from 2021 until this year, said he had planned to table the Bill after Budget 2023, but knew by then that there was not enough political time left.

"I really hope that those who are still MPs can continue to push this," he said.

The GEG plan under the Control of Tobacco Product and Smoking Bill is aimed at banning the use, sale and possession of tobacco and vape products for those born after Jan 1, 2007.

They will also not be allowed to buy or use any form of smoking-related products, including elec-

tronic cigarettes or vape, with the aim of banning future generations from smoking and vaping.

The Bill was hotly debated by MPs in July before being referred to the PSSC for further consideration, and was set to be retabled in Parliament in October.

However, Parliament was dissolved on Oct 10 to pave the way for the 15th General Election, which also saw Khairy losing to Pakatan Harapan's Ramanan Ramakrishnan for the Sungai Buloh parliamentary seat.

Speaking to reporters after the forum, Khairy said steely political will is a necessity when it comes to reforms in the health sector.

"Preparations to 'reform' the health sector have been done since long ago and strong political will is

needed to implement them."

"Don't be afraid of making decisions regardless of how difficult they can be," he said, adding that the current Health Ministry leadership had the support of its former ministers.

Dr Dzulkefly, who also joined the forum, said it was important for the nation to move forward with health reforms.

"It is necessary, especially given the current political landscape which sees a coalition government made up of various political blocs.

"There is no other choice but to move forward with implementing health reforms and we should begin working towards it," he said, adding that over 14 studies on the matter had been carried out since 1985.

Dr Dzulkefly, who was Health

Minister during the Pakatan administration from 2018 to 2020, said the people would benefit greatly from potential healthcare reforms.

"The time is now, and we fully support Health Minister Dr Zalihah Mustafa and her deputy Lukanisman," he said.

Meanwhile, Lukanisman said he would take heed of the aspects mentioned by the previous health ministers during the forum.

"The Health Minister and I are working towards making the aspects worked on by previous health ministers a reality," he said, adding that he was open to feedback from previous health ministers.

Another speaker at the forum was Tan Sri Dr S. Subramaniam, who was Health Minister from 2013 to 2018.

Hospital in dire need of upgrade to resolve patient congestion



Urgent priority: Sivanesan (left) visiting the emergency unit at Raja Permaisuri Bainun Hospital in Ipoh. — RONNIE CHIN/The Star

By IVAN LOH
ivanloh@thestar.com.my

IPOH: About RM6.5mil is needed to expand and upgrade the facilities at Raja Permaisuri Bainun Hospital here to handle the high volume of patients, says Perak health executive council member A. Sivanesan.

He said this would cover the cost of upgrading the emergency and trauma unit, getting more medical equipment, and expansion work.

"The state Health Department has already sent proposals and applications to the Health Ministry to upgrade the hospital's facilities, especially its emergency and trauma unit.

"Former state health director Datuk Dr Ding Lay Ming told me that former Health Minister Khairy Jamaluddin saw the need to upgrade the emergency and trauma

unit during his visit in April.

"He (Khairy) promised to help and managed to put in the papers for Budget 2023," Sivanesan told a press conference after visiting the hospital here yesterday.

An online report had highlighted that the 131-year-old hospital had insufficient doctors, facilities and beds.

"If we can get this allocation, a big portion of the issues can be resolved," said Sivanesan.

He added that despite the shortcomings, no patient was denied treatment.

"The usual complaints I get are patient congestion, lack of parking spaces and long waiting times to see doctors.

"But there are no issues with the services, treatments or medication," he said, adding that the hospital currently had 1,361 beds.

Sivanesan said the hospital had about 4,900 employees but was still understaffed.

"The number of red zone (critical) patients who sought treatment at the emergency and trauma unit in 2019 was 6,840.

"In 2020, that number rose to 10,831 patients and then to 15,094 in 2021. The number of patients has increased but the number of staff remains unchanged.

"The staff at the hospital are trying their level best to cut down on waiting time," he added.

Separately, Sivanesan said the state was looking to revisit the plan to build a new hospital in Kampar.

"After (looking at) three areas, we finally identified a suitable piece of land.

"We have visited the land office to ask about its availability and it has been sorted out," he said.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

'No patients went home without being treated'

IPOH: An initial investigation into the Emergency and Trauma Department (ETD) of the Raja Permaisuri Bainun Hospital has revealed that no patients returned home without receiving treatment.

State Human Resources, Health and Indian Community Affairs Committee chairman A. Sivanesan said yesterday every patient who came to the department was treated appropriately.


"We cannot predict the number of patients at the ETD. For example, if there is a bus accident, 40 people would be seeking treatment and the emergency room is full. Should we send them back? We have to treat them. No one is denied (treatment)."

"This problem (of overcrowding) exists not only in government hospitals but also in private ones. It cannot be solved overnight. But we never asked patients to go home without treatment," he said after visiting the hospital.

He said the hospital management together with the Perak State Health Department and Health Minister Dr Zalihah Mustafa would review and discuss how to increase capacity to treat critical patients, in addition to applying for at least a RM6.5 million allocation from the federal government for the overall improvement of the hospital.

Yesterday, hospital director Dr Megat Iskandar Megat Abdul Hamid said the hospital had set up a bed management unit to expedite the admission of patients to wards from the ETD.

The unit, which now operates round the clock, has also helped facilitate the discharge of patients from all wards. - Bernama



Sivanesan showing the article regarding congestion at the hospital yesterday. - BERNAMAPIC